



KENYATAAN MEDIA

PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCorp)

i-KITAR MENYOKONG USAHA PENDIGITALAN KITAR SEMULA KE ARAH KELESTARIAN ALAM SEKITAR

KUALA TERENGGANU, 30 September 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Program Kemampuan Komuniti Bandar (PKKB) Inisiatif Komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) Sifar Sisa Bersamamu MADANI (SSBM) yang bertemakan “Digitalisasi Kitar Semula”. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan bertempat di Pusat Komuniti PPR Hiliran, Kuala Terengganu.

YB Timbalan Menteri KPKT memaklumkan bahawa objektif PKKB adalah untuk menyebarkan luas manfaat dari sudut pengukuhan modal insan yang lebih mampan melalui pelaksanaan program-program komuniti bandar di seluruh negara. Pelaksanaan PKKB juga adalah untuk mencapai objektif di bawah 3 Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDGs*) iaitu:

1. SDG 3: Memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur;
2. SDG 11: Menjadikan bandar dan penempatan manusia sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan; serta
3. SDG 16: Menggalakkan masyarakat yang aman dan menyeluruh untuk pembangunan mampan, menyediakan akses kepada keadilan

untuk semua dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan menyeluruh pada semua peringkat.

KPKT melalui SWCorp telah menggariskan lima matlamat bagi Inisiatif Komuniti PPR Sifar Sisa Bersamamu MADANI iaitu:

1. SWCorp mensasarkan sebanyak 70% premis di 17 PPR melaksanakan program Komuniti Sifar Sisa (KOSIS) menjelang 2025;
2. Sasaran kadar kitar semula sebanyak 40% menjelang 2025;
3. Digitalisasi kitar semula seiring dengan perkembangan pesat teknologi maklumat;
4. Meningkatkan pendapatan golongan B40; serta
5. Kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

YB Timbalan Menteri KPKT juga memaklumkan bahawa pelaksanaan Inisiatif Pusat KOSIS di PPR Padang Hiliran, Kuala Terengganu telah diperkenalkan pada Januari 2020 dengan penglibatan 1,002 unit atau 51% premis berpenghuni.

Dari tahun 2020 hingga Ogos 2023, sebanyak 96,627 kilogram barang kitar semula, 3,306 kilogram minyak masak dan 4,085 kilogram sisa makanan telah dikumpulkan dengan nilai jualan berjumlah RM37,253.20. Manakala, bagi Program Kebun Komuniti, hasil tuaian yang direkodkan adalah sebanyak 821.4 kilogram tuaian dengan nilai jualan berjumlah RM3,962.00.

Sebagai nilai tambah kepada program KOSIS, buat julung kalinya melalui Program Myhackathon telah melaksanakan projek rintis pembangunan Aplikasi i-Kitar untuk mendigitalisasikan kitar semula khusus kepada penghuni PPR Hiliran, Kuala Terengganu. Aplikasi i-Kitar ini telah dibangunkan dengan berkonsepkan "Smart Partnership" antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan KPKT serta pihak swasta yang diselia oleh SWCorp bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan dengan mendigitalisasikan aktiviti kitar semula ke arah pembayaran tanpa tunai.

Insentif i-Kitar dilaksanakan dengan setiap pembelian barangan kitar semula digandakan sebanyak 50% daripada nilai semasa. Ini bermakna pengguna yang menghantar barangan kitar semula yang bernilai RM10 akan dibayar sebanyak RM15.

Usaha ini sejajar dengan hasrat dan usaha KPKT untuk meningkatkan potensi dan memudahcara ekosistem ekonomi kitaran (*circular economy*) dengan lebih meluas. Ianya selari dan bertepatan dengan nilai teras Malaysia MADANI iaitu “kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan”. Inisiatif ini menekankan konsep penglibatan secara langsung serta kerjasama antara komuniti PPR yang berbilang bangsa dengan agensi Kerajaan dalam usaha mewujudkan budaya amalan kitar semula.

Diharap usaha ke arah pendigitalan ini dan budaya kitar semula khususnya dalam kalangan penduduk PPR Hiliran, Kuala Terengganu dan keseluruhan negara amnya dapat dibudayakan dalam kehidupan seharian.

.....

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Bertarikh : 28 September 2023

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi:

Sumatra a/p Appavoo

Pengarah

Bahagian Korporat

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

e-mel: sumatra@swcorp.my